

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XV)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

17. Senaraikan hospital kerajaan dan swasta di Pulau Pinang.
- (a) Apakah status pembinaan hospital di Peel Avenue?
 - (b) Apakah hospital kerajaan dan swasta yang telah diluluskan oleh PBT dan Kementerian Kesihatan?
 - (c) Apakah impak pelancongan perubatan terhadap perkhidmatan kesihatan rakyat negeri?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

17. Terdapat enam (6) buah hospital kerajaan dan 18 buah hospital swasta yang beroperasi di Pulau Pinang seperti perincian di **LAMPIRAN A**.
- (a) Kerajaan Negeri telah menerima permohonan daripada Tetuan Island Hospital Sdn. Bhd. (IHSB) pada 6 Ogos 2016 untuk tujuan penambahan bangunan hospital di tapak berhadapan bangunan Island Hospital sedia ada. Penambahan ini adalah bagi meningkatkan kemudahan perubatan yang lebih komprehensif dan menyeluruh dan lebih berkualiti kepada pengguna iaitu pesakit khususnya.
- IHSB telah menandatangani Perjanjian Penjualan dan Pembangunan dan membeli tanah di atas Lot 1449, Seksyen 4, Daerah Timur Laut yang terletak lebih kurang 200 meter dari bangunan hospital sedia ada dengan Unit Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang pada 19 Disember 2016. Permohonan Kebenaran Merancang

bagi pembangunan telah dihantar kepada Majlis Bandaraya Pulau Pinang pada 23 Jun 2017 dan telah diluluskan pada 21 November 2017. Manakala Pelan Bangunan pula telah diluluskan pada 17 April 2018. Pihak IHSB juga telah menerima kelulusan dari Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi cadangan untuk menyediakan perkhidmatan *niche* dan *Centre of Excellence* yang merangkumi bidang kardiologi, pembedahan kardiothorasik dan pembedahan vascular pada 11 Julai 2018. Projek pembinaan telah bermula pada 10 Disember 2018 dan dijangka siap pada bulan April 2021.

Sehingga 27 Mac 2020, status kemajuan fizikal projek pembinaan hospital tersebut adalah sebanyak 14.15%. Pihak pemaju telah mengemukakan permohonan pemberimilikan tanah bawah tanah kepada Pejabat Daerah dan Tanah Daerah Timur Laut (PDTDTL) pada 3 Julai 2018 untuk cadangan pembinaan laluan bawah tanah bagi menghubungkan tapak cadangan hospital baru dengan hospital sedia ada. Permohonan telah dibentangkan oleh PDTDTL dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tanah Negeri dan sedang dalam tindakan untuk diangkat ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk pertimbangan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang.

- (b) Terdapat lapan (8) permohonan untuk membina hospital dari pihak swasta yang telah diluluskan oleh KKM dan disokong oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seperti di **LAMPIRAN B**. PBT tidak memberikan kelulusan pembinaan hospital akan tetapi perlu mengeluarkan surat sokongan berdasarkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.
- (c) Antara impak pelancongan perubatan terhadap perkhidmatan kesihatan rakyat negeri adalah seperti berikut:
 - (i) Peningkatan jumlah pelancongan perubatan akan memberi lebih ruang kepada pengusaha hospital swasta untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang ditawarkan. Justeru, secara langsung ia akan

dapat melonjakkan tahap kepakaran serta teknologi yang seterusnya memberi peluang kepada rakyat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang terbaik di hospital-hospital swasta;

- (ii) Pelancongan perubatan dapat menggalakkan hospital-hospital swasta untuk mendapat akreditasi antarabangsa dan mengadakan hubungan strategik dengan pusat perubatan terkemuka di dunia bagi meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan. Hal ini akan menyumbang kepada peningkatan bilangan hospital swasta di Pulau Pinang untuk mendapat taraf dan kualiti yang diiktiraf antarabangsa termasuk *standard* MS ISO 9002 dan pengiktirafan Kualiti Kesihatan dari Persatuan Perubatan Malaysia (MSQH). Perkara ini secara tidak langsung dapat memanfaatkan rakyat negeri Pulau Pinang untuk turut mendapat perkhidmatan perubatan yang mempunyai pengiktirafan bertaraf antarabangsa;
- (iii) Pelancongan perubatan juga akan menyumbang kepada perkembangan pesat industri pelancongan di Pulau Pinang yang secara langsung akan mewujudkan pelbagai peluang pekerjaan dalam bidang perkhidmatan, perhotelan, perniagaan, pengangkutan, dan penghasilan kraftangan. Hal ini mampu mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Pulau Pinang dan seterusnya dapat membaiki dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Secara tidak langsung, dengan peningkatan taraf hidup tersebut, rakyat mempunyai peluang yang lebih tinggi dan lebih berkemampuan untuk mendapat akses perkhidmatan kesihatan yang lebih baik; dan
- (iv) Pertumbuhan sektor pelancongan yang aktif dapat menarik lebih ramai pelabur asing untuk melabur di Pulau Pinang. Industri pelancongan bukan hanya untuk pelabur yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan seperti pengusaha hotel, pengusaha taman tema, pengusaha pusat beli-belah, dan sebagainya malahan dapat menarik pelabur asing

dalam bidang-bidang lain yang berkaitan pelancongan seperti pengangkutan dan pembinaan. Kerajaan Negeri dapat menjana hasil keuntungan pelaburan tersebut untuk merencanakan pertumbuhan ekonomi negeri yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup rakyat termasuk mendapat akses kesihatan yang lebih baik.

LAMPIRAN A

SENARAI HOSPITAL KERAJAAN DAN HOSPITAL SWASTA DI PULAU PINANG

A. Hospital Kerajaan

1. Hospital Pulau Pinang
2. Hospital Seberang Jaya
3. Hospital Bukit Mertajam
4. Hospital Kepala Batas
5. Hospital Balik Pulau
6. Hospital Sungai Bakap

B. Hospital Swasta

1. Bagan Specialist Centre
2. Georgetown Specialist Hospital
3. DBM Hospital
4. Gleneagles Penang
5. Island Hospital
6. K. S. Wan & Liow Specialist Maternity Centre Sdn. Bhd.
7. Hope Children Hospital – Gottlieb
8. Hospital Lam Wah Ee
9. KPJ Penang Specialist Hospital
10. Loh Guan Lye Specialists Centre
11. Mount Miriam Cancer Hospital
12. Optimax Eye Specialist Hospital (Penang)
13. Pantai Hospital Penang
14. Peace Medical Centre
15. Pearl Maternity Hospital
16. Penang Adventist Hospital
17. Public Specialist Centre
18. Qestra Bio-Clinical Research Centre

LAMPIRAN B**PERMOHONAN UNTUK MEMBINA HOSPITAL DARI PIHAK SWASTA
YANG TELAH DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA DAN DISOKONG OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

BIL.	NAMA HOSPITAL DAN LOKASI	TEMPOH SAH PERAKUAN KELULUSAN MENUMBUHKAN/ MENYENGGARAKAN	STATUS
1	Hospital Pakar An-Nur Penang Jalan Mayang Pasir 2, 11950, Bayan Baru, Pulau Pinang	25 Ogos 2016 - 24 Ogos 2019	Permohonan pelanjutan
2	Bertam Specialist Hospital Lot 22531, Lebuhr Dagangan, Mukim 6, Seberang Perai Utara, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang	30 Mac 2017 - 29 Mac 2020	Permohonan pelanjutan
3	Kek Lok Si Charitable Medical Centre Lot 261, Jalan Balik Pulau, Seksyen 3, Mukim 16, Bandar, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang	26 Oktober 2017 –25 Oktober 2020	Aktif
4	Columbia Asia Hospital Plot 25, Persiaran Cassia Barat 3, Aspen Vision City, Batu Kawan, 14100 Pulau Pinang	2 Februari 2018 –21 Februari 2020	Permohonan pelanjutan

BIL.	NAMA HOSPITAL DAN LOKASI	TEMPOH SAH PERAKUAN KELULUSAN MENUBUHKAN/MENYENGGARAKAN	STATUS
5	Sunway Penang Medical Centre Lot 5781, 5782, 5783 & 5784, Mukim 01, Lebuh Tenggiri 2, 13700 Seberang Jaya, Pulau Pinang	22 Mac 2018 –21 Mac 2021	Aktif
6	Victoria Specialist Hospital PT 23 HS (D) 18867, Daerah Timur Laut, Seksyen 16, Jalan Abidin/ Selamat, 10350 Georgetown, Pulau Pinang	22 Mac 2018 –21 Mac 2021	Aktif
7	Berjaya Hospital Penang Lot 5023, Jalan Kedah, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang	22 Mac 2018 – 21 Mac 2021	Aktif
8	GPS Eye Specialist Centre No. 308, Jalan Macalister, 10450 Georgetown, Pulau Pinang	28 Jun 2018 - 27 Jun 2021	Aktif